

28/08/11 00178  
CNS3027

R GB 28-08 00205 BA298

aab

SAINGAN MODAL DAN PELABURAN AKAN LEBIH SENGIT DI ABAD KE-21

Mahathir - Malaysia

PULAU PINANG, 28 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat bahawa rombakan ketara dalam senario geo-politik dunia mungkin menyebabkan kedudukan Malaysia dalam abad ke-21 kelak tidak begitu selesa.

Perdana Menteri berkata saingan modal dan pelaburan asing akan menjadi lebih sengit dengan wujudnya lokasi yang mungkin lebih kompetitif daripada segi kos pengeluaran seperti di Vietnam, China dan negara eropah Timur, Mexico dan negara Amerika Latin.

+Kita harus sedar bahawa berikutan rombakan yang ketara dalam senario geo-politik dunia sejak robohnya Tembok Berlin dan berpecahnya Soviet Union serta negara Pakatan Warsaw, kedudukan kita dalam abad ke-21 kelak mungkin tidak begitu selesa,+ katanya ketika berucap merasmikan Bangunan Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) Syarikat Robert Bosch di sini.

Beliau berkata oleh itu strategi dan pendekatan baru perlu difikirkan untuk pelaburan asing, yang tidak dapat dinafikan memainkan peranan penting dalam proses pembangunan ekonomi Malaysia.

+Perkataan "networking" dan "symbiotic relationship" kini kerap kedengaran yang pada dasarnya ialah kerjasama yang lebih bermakna, lebih berfokus dan membawa implikasi perlunya wujud tahap input teknologi sistem, R&D dan Pembangunan Sumber Manusia,+ kata beliau. -- Lagi.

▼28/08/11-04MST

R GB 28-08 00178 BA299

aab

Mahathir - Malaysia 2 Pulau Pinang

Selaras dengan itu, beliau berharap agensi kerajaan seperti SIRIM dan MIMOS khususnya, serta syarikat tempatan amnya, melipatgandakan usaha masing-masing dalam bidang R&D agar dapat memenuhi kehendak negara menjelang abad ke-21.

+Jika matlamat Wawasan 2020 mahu dicapai, tidak ada jalan lain melainkan jalan yang sama iaitu dengan menumpukan perhatian yang lebih kepada aspek teknologi, sistem, R&D dan Pembangunan Sumber Manusia.+

Pelaburan asing telah membawa bersama teknologi dan proses baru yang secara langsung mengubah struktur ekonomi ke arah aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi daripada hanya mengeluarkan bahan mentah, kata beliau.

Bagaimanapun sebagai sebuah negara +pengimport+ teknologi, Malaysia memerlukan saluran efektif bagi tujuan pemindahan teknologi, katanya sambil menegaskan jika proses pemindahan itu berkesan, kemungkinan untuk merapatkan jurang perbezaan teknologi yang kini wujud antara Malaysia dan negara-negara maju adalah baik.

Beliau berkata Malaysia berjaya menduduki tahap kemakmuran yang ada sekarang berasaskan pelbagai faktor yang kombinasinya memberikan banyak kelebihan sehingga menarik pelabur asing dari seluruh dunia ke sini. -- Lagi.

▼28/08/11-07MST

CNS3033

R GB 28-08 00186 BA300

aab

Mahathir - Malaysia 3 Pulau Pinang

Bagaimanapun, kata beliau dalam usaha menjadikan Malaysia negara maju dengan sektor perkilangan sebagai jentera penggerak utama, Malaysia harus sentiasa mengikut perkembangan dan sofistikasi dunia yang pesat berubah.

Mengenai Syarikat Robert Bosch, beliau berkata syarikat itu yang merupakan satu daripada 10 syarikat terbesar di Jerman, telah memahami bahawa untuk menandingi pesaingnya, perbelanjaan bagi R&D adalah pelaburan jangka panjang yang amat penting.

Beliau berkata jumlah nilai jualan keluaran syarikat-syarikat dalam Kumpulan Robert Bosch pada 1992 ialah sebanyak \$53,000 juta, melebihi pendapatan kebanyakan negara Dunia Ketiga.

Daripada jumlah jualan itu, kumpulan berkenaan memperuntukkan 6.38 peratus atau \$3,400 juta bagi R&D-nya iaitu satu perangkaan yang menakjubkan, kata beliau.

Katanya, jika dilihat daripada sudut kuantitatif syarikat Robert Bosch adalah besar kerana dalam jangka masa 20 tahun ia berjaya mempelbagaikan keluarannya dan harus menjadi contoh kepada syarikat asing lain.

Daripada aspek kualitatif pula, syarikat ini bukan sahaja memberi banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan tetapi juga gigih meningkatkan sumbangannya dalam pelbagai kemahiran supaya kehadirannya di Malaysia memberi lebih makna. -- Bernama.